

**Telefon:**  
Tel: 1800-2255-529  
Faks: (65) 6224-2858

**Alamat:**  
The URA Centre (East Wing)  
45 Maxwell Road #07-11  
Singapura 069118

**Waktu Operasi E-helper:**  
Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.00ptg

**Laman Web:**  
<https://pto.mlaw.gov.sg>



### **Apa perlu saya lakukan supaya harta pusaka diagihkan kepada saya?**

Anda perlu memohon dalam talian di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welco.me.xhtml> untuk kami mengagihkan harta pusaka. Anda perlu memberitahu kami dalam permohonan anda semua aset yang dimiliki oleh orang yang telah meninggal dunia, seperti saham, simpanan bank, sagu hati kematian, polisi insurans dan kenderaan (jika ada). Harap maklum bahawa aset harta pusaka tidak termasuk wang CPF dan wang Skim Perlindungan Tanggungan CPF. Anda dinasihatkan supaya membaca Lembaran Maklumat 1 berkenaan menguruskan wang CPF.

Anda juga perlu bersedia dengan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <https://pto.mlaw.gov.sg>.

### **Dokumen apakah yang perlu saya hantarkan kepada anda?**

Lampiran A dan B menyatakan senarai dokumen yang kami perlukan. Jika anda tidak mempunyai beberapa dokumen yang diperlukan, pegawai kes anda akan menasihatkan anda apa yang perlu dilakukan selepas anda hantarkan kepada kami permohonan dalam talian anda. Untuk pembayaran balik perbelanjaan pengebumian, Lampiran C menyatakan senarai dokumen yang kami perlukan. Anda boleh mengambil salinan Lampiran A, B dan C dari pejabat kami atau mendapatkannya di laman web kami.

Jenis dokumen biasa yang kami perlukan adalah seperti berikut.

1. Sijil kematian orang yang telah meninggal dunia (si mati)
2. Sijil kelahiran si mati
3. Sijil perkahwinan si mati
4. Dekri nisi (jika si mati telah bercerai)
5. Sijil kelahiran waris
6. Kad Pengenalan waris
7. Sijil kematian waris (jika berkenaan)
8. Sijil perkahwinan ibu bapa si mati
9. Sijil kematian ibu bapa (jika mereka telah meninggal dunia)
10. Sijil warisan (untuk orang Islam sahaja)
11. Oleh kerana bayaran akan dibuat secara elektronik, satu salinan halaman depan buku simpanan bank atau penyata bank mesti disediakan. Untuk permintaan pembayaran melalui akaun bersama atau akaun bank pihak ketiga, kedua-dua benefisiari dan pemegang akaun mestilah melaksanakan borang tanggung rugi (Borang 15) yang boleh didapati di laman web kami. Untuk cara pembayaran bukan elektronik yang lain, anda perlu membayar semua caj yang dikenakan oleh bank yang akan ditolak secara langsung dari wang yang dipegang dalam amanah

Jika orang yang telah meninggal dunia adalah seorang Muslim, anda perlu memohon Sijil Warisan di <https://www.syariahcourt.gov.sg>.

## **Menguruskan harta pusaka si mati (aset-aset)**

(Lembaran Maklumat 2)  
24 Feb 2020



## Bolehkah saya mendapatkan Pemegang Amanah Awam untuk mentadbir harta pusaka orang yang telah meninggal dunia?

Pemegang Amanah Awam boleh membantu anda untuk mengagihkan harta pusaka jika orang tersebut tidak meninggalkan wasiat dan aset mereka bernilai tidak lebih daripada \$50,000. Anda hanya perlu memohon kepada Pemegang Amanah Awam untuk bertindak. Anda tidak perlukan seorang peguam jika Pemegang Amanah Awam bersetuju untuk mewakili anda.

Jika terdapat kemungkinan bahawa orang yang anda sayangi mempunyai wasiat, anda mungkin ingin melakukan carian dengan Pejabat Pendaftaran Wasiat kami untuk memeriksa jika mereka ada meninggalkan maklumat bersama kami berkaitan di mana wasiat itu disimpan. Anda akan diperlukan mengisi borang yang boleh didapati di <http://www.mlaw.gov.sg/pto> dan hantarkan kepada kami, bersama yuran carian dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Jika terdapat wasiat, sila hubungi peguam anda untuk dapatkan bantuan atau Biro Bantuan Guaman jika anda layak untuk bantuan guaman. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang Biro Bantuan Guaman di [www.lab.gov.sg](http://www.lab.gov.sg).

Jika anda pasti bahawa tiada wasiat, periksa barang-barang kepunyaan orang yang telah meninggal dunia dan tanyakan ahli keluarga anda tentang aset yang mereka miliki dan anggaran nilainya. Aset-aset yang kami uruskan adalah:

- wang di dalam bank atau institusi kewangan lain di Singapura;
- saham yang disenaraikan di Bursa Singapura;
- kenderaan yang sudah dilangsaikan, selain daripada kenderaan komersial seperti teksi (kami hanya akan memindahkan nama bagi kenderaan tersebut);
- gaji tertunggak orang tersebut yang belum dibayar;
- barang di dalam peti simpanan keselamatan;
- wang yang dibayar sebagai pampasan oleh pemerintah; dan
- wang daripada Skim Tambahan Pendapatan Daya Kerja

Wang CPF orang yang telah meninggal dunia yang tidak dinamakan diagihkan secara berasingan daripada harta pusaka. Anda perlu membuat permohonan lain kepada Pemegang Amanah Awam untuk mengagihkan wang CPF. Sila ambil salinan Lembaran Maklumat 1 berkenaan menguruskan wang CPF.

Kami tidak boleh bertindak jika:

- harta pusaka tersebut bernilai lebih daripada \$50,000;
- permohonan mahkamah untuk Surat Kuasa Mentadbir atau Geran Probet telah difailkan;
- terdapat tuntutan yang bercanggah terhadap harta pusaka atau pertikaian antara waris;
- harta pusaka tersebut mempunyai hutang atau liabiliti tertunggak;
- orang yang telah meninggal dunia mempunyai saham atau kepentingan lain dalam syarikat yang tidak tersenarai (asing atau tempatan);
- orang yang telah meninggal dunia adalah seorang rakan kongsi, pemilik tunggal atau pernah mempunyai kepentingan dalam sebuah firma atau perniagaan lain;
- orang yang meninggal dunia adalah pemegang pajakan tunggal (pemilik) sebuah flat HDB dan seorang anak layak untuk mewarisi seluruh atau sebahagian flat itu;
- terdapat tuntutan mahkamah yang belum selesai yang melibatkan orang yang telah meninggal dunia;
- terdapat polisi insurans di mana seorang atau lebih telah dinamakan sebagai waris;
- terdapat akaun bank amanah yang dibuka bersama seorang anak; dan
- terdapat kenderaan komersial yang terlibat seperti teksi.

Dalam kes ini, anda perlu memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir untuk menguruskan harta pusaka orang tersebut.

Jika anda layak untuk bantuan guaman, anda boleh memohon bantuan daripada Biro Bantuan Guaman untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir. Jika anda tidak layak untuk bantuan guaman, anda perlu mengupah seorang peguam.

## Bagaimanakah cara mengagihkan harta pusaka?

Jika orang yang meninggal dunia adalah seorang Muslim, kami akan mengagihkan harta pusaka tersebut selaras dengan Seksyen 112 daripada Akta Pentadbiran Hukum Islam menurut mazhab hukum Islam yang beliau amalkan. Sijil Warisan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan menyenaraikan nama waris dan bahagian mereka daripada pewarisan.

Jika orang yang meninggal dunia bukan seorang Muslim, kami akan mengagihkan harta pusakanya selaras dengan Akta Pewarisan Harta Pusaka Tidak Berwasiat, yang menyatakan bahawa pengagihan sebarang harta alih (contohnya, wang di dalam akaun bank) akan dikawal selia oleh undang-undang negara di mana orang tersebut telah bermastautin pada masa kematian mereka. (Tempat bermastautin merujuk kepada tempat yang mereka anggap sebagai tempat tinggal tetap mereka. Ia tidak merujuk kepada kerakyatan atau alamat mereka.)

Jika orang yang meninggal dunia telah bermastautin di Singapura pada masa kematian mereka, kami akan mengagihkan harta pusaka mereka selaras dengan peraturan pengagihan di dalam Akta Pewarisan Harta Pusaka Tidak Berwasiat.



## Apakah yuran yang anda kenakan untuk mentadbirkan harta pusaka?

Yuran yang kami kenakan bagi mentadbirkan harta pusaka adalah:

Nilai Estet	Yuran
Bagi \$5,000 pertama	6.50%
Bagi \$2,000 seterusnya	6.00%
Bagi \$3,000 seterusnya	4.25%
Bagi \$10,000 seterusnya	2.75%
Bagi \$30,000 seterusnya	2.25%

Yuran ini, yang akan kami ambil daripada wang harta pusaka, adalah termasuk GST dan tidak boleh dikecualikan. Anda perlu membayar yuran minimum \$15.